

## INFO TERKINI

- **Yuran Persatuan:**
  - Setiap rumah diwajibkan membayar yuran pendaftaran sebanyak RM 200 (RM120 untuk bayaran pendaftaran + RM80 untuk bayaran bulan selepasnya). Yuran pendaftaran digunakan untuk membina pagar automatik dan kos-kos lain berkaitan. Bagi penduduk yang telah membuat **bayaran pendaftaran**, akan diberikan sticker kenderaan dan kad akses.
- **Sticker kenderaan:**
  - Setiap penduduk berdaftar menerima 3 pas sticker (2 kereta & 1 motorsikal – sekiranya ada). Sticker tambahan dicaj RM2 setiap satu (penduduk RH2 sahaja)
- **Kad akses:**
  - Setiap penduduk berdaftar akan menerima 2 kad akses. Kad tambahan akan dicaj RM50 setiap satu.
  - RH2 akan guna sistem kad akses bermusim, yang akan luput tarikh pada setiap hujung bulan berdasar bayaran yang dibuat. Kad boleh diprogramkan mengikut tempoh bayaran – 3, 6, 9 & 12 bulan. Bagi mengelakkan kesukaran, penduduk diberikan 7 hari tempoh bertenang untuk selesaikan urusan bayaran pada setiap awal bulan.
  - Penduduk digalakkan membuat bayaran awal bagi mengelakkan kesukaran akses.
- **Pelawat:**
  - Sebelum dibenarkan masuk, setiap pelawat akan diminta serahkan pengenalan diri (ID) untuk direkod sahaja (ID tidak akan disimpan). Pas VISITOR akan diberikan untuk dipamirkan di dashboard kenderaan.
  - Setiap pelawat akan direkodkan ID, no plat kenderaan, masa masuk & keluar.
- **Kontraktor:**
  - Seperti pelawat, segala butiran kontraktor akan direkodkan sebelum dibenarkan masuk. Kontraktor akan diberikan pas khas CONTRACTOR.
- **Bayaran:**
  - Bermula Mei 2015, setiap rumah diwajibkan membayar yuran bulanan sebanyak RM80. Bayaran bagi bulan semasa bermula 1-7 hb setiap bulan.
  - Bayaran bulanan boleh dibuat melalui ketua lorong atau terus ke akaun persatuan penduduk menerusi kaunter/CDM atau secara online. Bagi bayaran secara kaunter/CDM atau online, penduduk **wajib mengemukakan bukti bayaran. Bayaran dibuat tanpa bukti pembayaran tidak akan diterima.**

## AKTIVITI TERKINI PERSATUAN

- PERSATUAN PENDUDUK RINI HILLS 2 telah didaftarkan secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan pada **26 Februari 2015** dengan nombor pendaftaran: **PPM-011-01-26022015**
- AGM telah diadakan pada 14 Mac 2015 di mana penduduk bersetuju melantik Jawatankuasa Pro-tem sebagai Jawatankuasa Rasmi.
- Akaun bank persatuan penduduk telah dibuka di Public Bank Berhad, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai seperti berikut:  
**NAMA AKAUN : PERSATUAN PENDUDUK RINI HILLS 2**  
**NO AKAUN : 3811934829**
- Pagar automatik di Gate A sedang disiapkan oleh kontraktor Pang Alarm dengan kos RM31,000. Dua laluan masuk dan satu laluan keluar sedang dibina.
- Pembesaran jalan laluan masuk telah disiapkan.
- Penyambungan bekalan elektrik dan air sedang dijalankan di pondok kawalan di Gate A.
- Laluan masuk di Gate B akan ditutup kecuali untuk kecemasan.
- Sticker kenderaan penduduk telah dicetak sebanyak lebih 2000 keping.
- Kontrak perkhidmatan pengawal keselamatan selama 1 tahun (dengan 6 bulan tempoh percubaan) telah diberikan kepada syarikat Wira Selatan bermula dari 16 Mac 2015

dengan kos RM21,500 sebulan. Sekiranya berlaku kecemasan, penduduk boleh hubungi talian **HOTLINE 24 jam** Wira Selatan => **017-7376124**

### **STATUS BAYARAN YURAN PENDAFTARAN PENDUDUK**

<b>Jalan</b>	<b>Jumlah rumah sudah bayar(setakat 4/4/2015)*</b>	<b>Jumlah rumah sudah diduduki</b>
Jasa 29	<b>40</b>	48
Jasa 30	<b>61</b>	59
Jasa 31	<b>65</b>	73
Jasa 32	<b>53</b>	53
Jasa 33	<b>49</b>	55
Jasa 34	<b>60</b>	55
Jasa 35	<b>35</b>	33

- Termasuk rumah yang belum diduduki

### **PERANCANGAN MASA DEPAN PERSATUAN**

- Cadangan penambahbaikan pondok pengawal – penambahan bumbung di atas bangunan pondok sediaada.
- Cadangan penambahan ketinggian pagar kawasan RH2 untuk peningkatan keselamatan penduduk.
- Cadangan bangunan Persatuan Penduduk RH2 untuk aktiviti sosial penduduk.
- Cadangan penambahbaikan landskap di sekitar kawasan perumahan RH2.
- Cadangan untuk menggajikan seorang penduduk untuk mengutip bayaran dan menulis resit pada harga RM 1-2 ribu sebulan.